


KISAH KEJAYAAN PUSAT INTERNET 1MALAYSIA KAMPUNG SELABAK

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
Name of PI1M Nama PI1M	PUSAT INTERNET 1MALAYSIA KAMPUNG SELABAK
Location Lokasi	BATU 3, KAMPUNG SELABAK 36000 TELUK INTAN, PERAK DARUL RIDZUAN
Name of person(s) Nama	IDRIS BIN MOHAMED NOOR 390202-08-5687
Details of person (s) Butiran diri	75 TAHUN LELAKI PESARA (BEKAS GURU)
Success story Kisah kejayaan	<p>Bagi kebanyakan golongan warga emas yang menjangkau usia melebihi 60 tahun kebiasaannya mereka lebih berminat menghabiskan sisa hidup di rumah sahaja.</p> <p>Bagaimanapun berlainan dengan pemilik nama Idris Bin Mohamed Noor yang masih aktif dan tidak mahu ketinggalan mempelajari selok belok mengenai teknologi maklumat (IT) hasil kepesatan pembangunan negara termasuk Internet dan laman web.</p> <p>Menurut beliau, usia bukan penghalang untuk menimba ilmu pengetahuan yang berguna termasuk dalam bidang teknologi maklumat.</p> <p>Beliau yang berumur 75 tahun mengakui sanggup datang ke Pusat Internet 1Malaysia (PI1M) Kampung Selabak walaupun jarak antara rumahnya dengan PI1M lebih kurang 5km dan kadangkala menaiki basikal kerana kerosakan kereta semata-mata mahu memperluaskan ilmu pengetahuan dalam bidang teknologi maklumat.</p>

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	<p>Menurut beliau yang mesra di sapa Pak Idris ini selagi ada usia beliau akan terus belajar dan mendapat ilmu sebanyak mungkin supaya tidak ketinggalan zaman. Beliau yang merupakan seorang bekas guru sememangnya seorang yang cintakan ilmu dan mengambil keputusan untuk mempelajari Asas Komputer & Microsoft Office Word memandangkan bidang tersebut mendapat sambutan pada zaman teknologi ini.</p>
	<p>Encik Idris adalah antara peserta yang menghadiri Kelas Asas Komputer & Microsoft Office Word khas untuk golongan warga emas dan dewasa anjuran Pusat Internet 1Malaysia (PI1M) Kampung Selabak dan sanggup mengikuti jadual yang ditetapkan semata-mata mahu memperoleh ilmu.</p>
	<p>Encik Idris bukanlah seorang komuniti tempatan Kampung Selabak namun hasil dari aktiviti promosi yang dijalankan dan mendengar perkhabaran dari rakan-rakan, beliau mengetahui mengenai PI1M Kampung Selabak yang sudah dibuka kepada orang ramai sejak Januari 2014. Dari saat itu, beliau terus mendaftarkan diri sebagai ahli dan mengikuti kelas Asas Penggunaan Tetikus & Papan Kekunci sebagai permulaan memandangkan beliau masih kekok untuk memegangnya.</p>
	<p>Menurut beliau, walaupun mempunyai komputer dan komputer riba serta tahu mengenai komputer dan kegunaannya namun beliau tidak pernah mempelajari lebih mendalam dan sejak mula belajar di PI1M Kampung Selabak, beliau mulai faham tentang penggunaan alat teknologi itu dan sudah faham sedikit demi sedikit ciri-ciri di dalam Microsoft Office Word dan berkata usahanya ini adalah untuk tidak dianggap tertinggal serta memberi dorongan kepada anak-anak serta cucu yang lain.</p>
	<p>Bagi beliau, sekurang-kurangnya beliau tidak membuang masa dan boleh memberi dorongan kepada anak-anak serta cucu supaya turut mengambil peluang yang disediakan dan menyifatkan kelas itu berjaya dan mampu merubah tanggapan masyarakat mengenai teknologi maklumat lebih-lebih lagi rakan yang seusia dengannya.</p>

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	<p>Baginya, usia lewat bukanlah faktor untuk seseorang itu duduk sahaja tanpa melakukan sesuatu perkara berfaedah sebaliknya inilah peluang untuk menimba ilmu dan gembira kerana diberi peluang untuk menambah ilmu pengetahuan melalui PI1M bagi meningkatkan pemahamannya mengenai komputer.</p> <p>Menurutnya, peluang sebegini tidak seharusnya dilepaskan kerana membawa banyak manfaat kepada masyarakat lebih-lebih lagi masyarakat Luar Bandar kerana dengan pengetahuan komputer ini mampu menjana pendapatan dan meningkatkan ilmu pengkomputeran dimana ilmu ini mampu menongkah arus perdana yang serba teknologi ini.</p> <p>Beliau akan terus mempelajari mengenai komputer khususnya mengenai Microsoft Office Word dan Internet kerana melalui Microsoft Office Word beliau dapat membuat pelbagai jenis surat, poster, jadual, graf, carta dan sebagainya manakala dengan Internet pula banyak maklumat yang mampu diperoleh, kata bapa kepada sepuluh orang cahaya mata ini dan semakin seronok untuk mempelajari komputer kerana teknologi yang disediakan di PI1M dapat membuka minda ramai yang mempelajarinya.</p> <p>Beliau tidak boleh duduk sahaja dan adalah lebih baik jika manfaatkan masa yang ada dengan belajar komputer walaupun telah lanjut usia. Beliau tidak segan silu untuk belajar bersama-sama generasi yang lebih muda ketika menimba pengetahuan dalam bidang itu.</p> <p>Penubuhan PI1M di Kampung Selabak ini katanya dapat membantu masyarakat setempat termasuk golongan warga emas seperti beliau mendapat pengetahuan dengan lebih jelas mengenai komputer. Penduduk kampung disini amat bertuah dengan kewujudan PI1M dimana bukan sahaja boleh belajar malah boleh mendapat maklumat dengan cepat selain dapat membuka minda masyarakat luar bandar dengan dunia Microsoft Office Word dan Internet yang kini semakin dipelopori oleh masyarakat dunia.</p>

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	<p>1. <i>How did you use the internet to achieve your success, please elaborate your story</i> <i>Bagaimana anda menggunakan internet untuk mencapai kejayaan anda, sila huraikan cerita anda</i></p> <p>Bagi Encik Idris, setelah menghadiri kelas Microsoft Office Word yang dianjurkan oleh Pusat Internet 1Malaysia Kampung Selabak, barulah beliau mengetahui cara-cara memegang tetikus dengan betul, komponen komputer, ciri-ciri yang terdapat dalam Microsoft Office Word dan selepas ini beliau ingin mendalami tentang internet. Beliau boleh memperoleh pelbagai maklumat melalui internet lebih-lebih lagi mengenai kesihatan memandangkan usia beliau yang semakin meningkat. Jadi, dengan adanya internet dan tempat yang selesa seperti di PI1M Kampung Selabak membolehkan beliau menggunakan kemudahan tersebut untuk mencari maklumat yang boleh meningkatkan diri beliau dari segi ilmu pengetahuan mahupun kesihatan. Bagi beliau, mempelajari Microsoft Office Word dan internet sangat penting pada masa kini memandangkan ramai yang menggunakan kemudahan tersebut sebagai medium pengetahuan.</p> <p>2. <i>How did your life improved after learning how to use the internet</i> <i>Bagaimana anda memperbaiki hidup anda setelah mempelajari cara penggunaan internet.</i></p> <p>Encik Idris menganggap bahawa internet adalah medium mencari informasi yang sangat bagus dan berguna. Dengan internet juga En Idris boleh membuka laman web untuk mencari maklumat mengenai penjagaan kesihatan yang betul sekaligus menggunakan informasi tersebut untuk diaplikasikan di dalam kehidupan sehariannya.</p>

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
Keterangan gambar Photo caption	 <p>Encik Idris kusyuk melihat artikel yang ditaip oleh beliau semasa menghadiri Kelas Microsoft Office Word.</p>
Photo caption names Keterangan gambar berserta nama	 <p>Gigih. Itulah perkataan yang sesuai untuk menggambarkan kesungguhan Encik Idris yang sanggup datang ke PI1M menaiki basikal walaupun jarak antara PI1M dengan rumah beliau sejauh 5km bagi menghadiri kelas Microsoft Office Word.</p>  <p>Encik Idris begitu bersemangat menaip artikel di dalam Microsoft Office Word sebagai salah satu modul yang disediakan.</p>

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
Feedback Maklumbalas	<p>1. <i>What was your first impression towards PI1M?</i> <i>Apakah pandangan pertama anda terhadap PI1M?</i> Kewujudan PI1M di Kampung Selabak adalah salah satu medium untuk mencari maklumat kerana segalanya kini berada di hujung jari. Semua maklumat boleh diperolehi dengan hanya satu klik sahaja. Bagi beliau, PI1M merupakan keperluan kepada masyarakat kini lebih-lebih lagi kepada komuniti luar Bandar yang kurang mendapat pendedahan mengenai ICT. Melalui PI1M, banyak maklumat boleh diperolehi dan mampu meningkatkan taraf hidup jika menggunakan informasi tersebut dengan sebaiknya.</p> <p>2. <i>What attracted you to come and use the facilities in PI1M?</i> <i>Apakah tarikan utama anda untuk datang dan menggunakan kemudahan di PI1M?</i> <i>Apakah tarikan utama anda untuk datang dan menggunakan kemudahan di PI1M?</i> Tarikan utama adalah kemudahan PI1M yang lengkap dan selesa selain kadar bayaran penggunaan yang agak rendah berbanding di siber kafe lain. Selain itu, keadaan dan suasana yang tenang memudahkan beliau untuk memberikan tumpuan semasa sesi pembelajaran dan semasa mencari maklumat di internet. Selain itu, tarikan yang membimbang beliau untuk datang ke PI1M adalah beliau tidak berasa malu untuk belajar walaupun tidak ramai rakan seusia beliau yang datang menghadiri kelas dan pelajar-pelajar lain yang lebih muda daripada beliau.</p> <p>3. <i>How can PI1M help others to be successful?</i> <i>Bagaimanakah cara PI1M dapat membantu bagi mencapai kejayaan individu/kumpulan lain?</i> PI1M dapat membantu seseorang individu/kumpulan mencapai kejayaan melalui kelas/bengkel dan capaian internet yang disediakan serta modul yang mudah difahami. Dengan adanya kemudahan tersebut, individu dapat memahami dengan lebih mudah dan selesa menimba ilmu di PI1M. Bukan itu sahaja, kewujudan PI1M juga menjadi medan pertembungan idea dari penduduk setempat untuk berkumpul dan membuat diskusi seterusnya berkongsi pendapat, maklumat, ilmu dalam memajukan perniagaan mahupun organisasi.</p>

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	<p>4. <i>Can you suggest improvement to be made to PI1M? (facilities, training activities, promotions, etc)</i> <i>Berikan cadangan dan pandangan bagi menambahbaik PI1M? (kemudahan, aktiviti latihan / kursus, promosi dan lain-lain.</i></p> <p>Encik Idris berharap dan mencadangkan agar PI1M dapat menyediakan capaian internet yang lebih baik dan laju bagi memudahkan orang ramai mencari maklumat yang dikehendaki serta lebih banyak kelas/bengkel dijalankan untuk warga emas.</p>

KISAH KEJAYAAN IDRIS BIN MOHAMED NOOR

“Sudah tua, buat apa sibuk-sibuk nak belajar.”

“Orang tua, kalau belajar susah nak masuk dalam kepala. Jadi, baik tak payah belajar.”

Kata-kata seumpama itu mungkin lazim didengar, apabila individu yang sudah lanjut usia atau bergelar warga emas ingin ‘kembali’ menuntut ilmu lebih-lebih lagi dalam bidang ICT, bagi mereka yang sudah bertahun-tahun meninggalkan alam belajar dan sudah lama tidak pegang pen serta kertas untuk menulis inikan pula memegang tetikus.

Hakikatnya, terlalu banyak persepsi negatif atau pandangan skeptikal yang diberikan kepada golongan ini, apabila menyuarakan hasrat untuk belajar semula atau mempelajari sesuatu bidang baru ingin dipelajari seperti bidang ICT. Seolah-olah, menuntut ilmu dan belajar lebih sesuai serta hanya dikhususkan untuk kanak-kanak, remaja atau pun orang muda saja. Warga tua yang sudah meningkat usia pula dianggap tidak layak dan tiada hak untuk belajar lagi mahupun mempelajari sesuatu bidang baru, sekalipun perkara itu disukainya.

Selain itu mungkin berpendapat, untuk apa warga tua berkenaan perlu sia-sia masa dan bersusah payah belajar lagi selepas ‘zaman belajar’ sudah pun dilaluinya sebelum ini. Segelintir pula menganggap, bukan mudah mengajar orang tua. Cepat lupa, sukar menguasai pembelajaran, minda yang semakin tumpul dan tidak cergas boleh menyebabkan usaha belajar terbantut dan membuang masa.

Pandangan dan tanggapan seumpama itu ternyata tidak tepat. Usaha Pusat Internet 1Malaysia Kampung Selabak memperkenalkan kursus ICT iaitu Microsoft Office Word kepada warga emas dan dewasa untuk belajar bidang ICT menyangkal semua itu.

Apa yang pasti, selagi ada kecenderungan dan kesungguhan untuk menimba ilmu, cita-cita itu boleh dipenuhi serta tiada alasan untuk menghalang mereka yang sudah berusia kembali belajar atau pelajari bidang baru disukai.

Dengan adanya Kelas Microsoft Office Word & ICT bukan saja satu keperluan pada masa kini tetapi seiring dengan hasrat kerajaan untuk merapatkan jurang digital antara penduduk Bandar dengan Luar Bandar di negara ini. Justeru, bukanlah sesuatu mustahil dan pelik apabila warga emas seperti Encik Idris untuk kembali ke alam belajar yang mungkin sudah lama ditinggalkan sebelum ini tetapi kali ini mencuba mempelajari ilmu baru iaitu berkaitan dengan ICT.

Kelas ini bermula pada bulan Mac lalu sehingga kini sambutan bersemangat dari golongan warga emas dan dewasa amat memberangsangkan.

Kelas Microsoft Office Word ini bertujuan membantu golongan Luar Bandar seperti warga emas dan dewasa melalui latihan, pendidikan dan pembelajaran yang telah disediakan oleh petugas PI1M Kampung Selabak. Kursus yang ditawarkan di dalam kelas Microsoft Word pada masa ini yang diikuti oleh Encik Idris adalah seperti membuat jadual, Word Art, Smart Art, graf, carta dan lain-lain.

Sehingga kini, warga emas yang mengikuti kursus ditawarkan terdiri pelbagai latar belakang dan pendidikan, termasuk Encik Idris yang merupakan seorang guru suatu masa dahulu. Minat yang mendalam terhadap pelajaran menjadikan beliau bersemangat untuk mempelajari ilmu ICT bagi memudahkan beliau untuk memberi tunjuk ajar kepada cucu dan anak-anak selain menggunakan ilmu tersebut untuk melakukan kerja sehari-hari dan tidak mahu ketinggalan dalam bidang yang semakin mendapat perhatian pada era kini. Berdasarkan kajian rambang, ada yang belajar kerana cinta dan ingin menambah ilmu serta ingin mengisi masa lapang seperti Encik Idris manakala segelintir lagi ingin mendapatkan kemahiran bagi menjana pendapatan.

Tidak dinafikan bahawa mengendalikan kelas yang ditawarkan kepada warga emas dan golongan dewasa ada cabaran tersendiri dihadapi tenaga pengajar. Pertama, setiap tenaga pengajar harus faham cara pembelajaran warga emas adalah tidak sama dengan golongan muda. Justeru, cara pendekatan dan penyampaian juga mestilah juga tidak sama.

Dalam banyak keadaan cara pembelajaran lebih menjurus satu persatu. Misalnya, kursus komputer ada yang pertama kali belajar, pegang tetikus pun takut-takut tetapi tenaga pengajar perlu bersabar dan menggunakan kaedah mengajar perlahan-lahan supaya mereka boleh mengikutinya dengan baik. Satu lagi cabaran dihadapi, ada kala kelas menjadi sukar dikawal kerana masing-masing hendak bercakap dan mahukan tenaga pengajar sentiasa dekat dengan mereka dan petugas menganggap senario itu positif dan mencerminkan semangat warga tua berkenaan.